

19 AUG 2003

PROTON-SYRIA

WAJA AKAN DAPAT SAMBUTAN HANGAT DARIPADA PENGGEMAR KERETA SYRIA

Daripada Mokhtar Hussain

DAMSYIK, 19 Ogos (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) yakin dapat menembusi pasaran Syria yang kompetitif dengan lebih jauh lagi khususnya dengan model Waja, yang dipercayai akan mendapat sambutan hangat di kalangan penggemar kereta dari generasi muda negara itu.

Ketua pegawai eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff berkata, pembuat kereta nasional itu kini bersedia untuk memperluaskan penceburannya secara besar-besaran kerana ia kini mempunyai teknologi untuk memajukan enjin bertaraf tinggi.

"Berdasarkan perbincangan dengan rakan kongsi kita di Syria, kita juga nampak potensi besar bagi model Arena di sini," katanya pada sidang media di bilik pameran baru Proton di Hasrata dekat sini, yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa lawatan dua hari beliau ke Syria.

Tahun lalu, Syria mengimport sebanyak 600 buah Proton Waja dan kira-kira 100 unit kereta Perodua.

Semasa berada di sini, Dr Mahathir telah menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Proton dan Modern Technology Trading (MTT) dari Syria bagi pembangunan industri kecil di Syria.

"MOU itu bukan hanya bagi pengedaran kereta Proton di negara ini tetapi bagi skop program perindustrian yang lebih luas, melibatkan pemindahan teknologi," jelas Tengku Mahaleel.

Beliau berkata, program itu memerlukan komitmen tahap tertinggi kedua-dua kerajaan kerana ia membabitkan pewujudan vendor bagi komponen kereta.

"Faedah sampingan akan dihasilkan daripada program ini kerana ia akan memberi peluang pekerjaan yang sangat besar di Syria dan lebih penting lagi, pemindahan teknologi," tegasnya. -- BERNAMA

MOK KTC KY NHD